

## ISO 45001 Dikemaskini: Klausa Baharu Perubahan Iklim



**KESELAMATAN PEKERJAAN**  
MS | 2  
Apa Itu ISO 45001:2018?



**KESIHATAN PEKERJAAN**  
MS | 5  
IMPAK AKTIVITI BAHAN KIMIA  
TERHADAP KESIHATAN



**ALAM SEKITAR**  
MS | 7  
PINDAAN AKTA  
ALAM SEKELILING

# ISO 45001:2018 – Klausa Baharu Perubahan Iklim

## Apa Itu ISO 45001:2018?

ISO 45001 ialah standard antarabangsa untuk Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS), yang bertujuan memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Walaupun standard ini terutamanya memberi tumpuan kepada kesihatan dan keselamatan pekerja, isu perubahan iklim semakin menjadi faktor penting dalam pengurusan risiko organisasi, termasuk dalam konteks ISO 45001.



## Perubahan Iklim sebagai Faktor Risiko dalam OSH

ISO 45001 menekankan pendekatan berasaskan risiko dalam menguruskan kesihatan dan keselamatan pekerja. Perubahan iklim boleh menjadi faktor risiko yang memberi kesan kepada pekerja dan operasi organisasi. Contohnya:



### Suhu Ekstrem

Gelombang haba boleh meningkatkan risiko keletihan haba dan strok haba dalam sektor seperti pembinaan dan perladangan.



### Bencana Alam

Banjir, ribut taufan, dan kebakaran hutan akibat perubahan iklim boleh mengancam keselamatan pekerja serta infrastruktur tempat kerja.



### Kualiti Udara yang Merosot

Peningkatan pencemaran udara atau jerebu boleh menjejaskan kesihatan pekerja, terutamanya mereka yang bekerja di luar atau dalam industri berasaskan bahan kimia.

Integrasi Perubahan Iklim dalam Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) ISO 45001 menghendaki organisasi mengenal pasti bahaya dan menilai risiko yang boleh memberi kesan kepada pekerja. Dalam konteks perubahan iklim, organisasi boleh mengambil langkah-langkah berikut:

### Penyesuaian Polisi dan Prosedur

Merangkumi langkah-langkah perlindungan terhadap risiko perubahan iklim.

### Penilaian Risiko Iklim

Melaksanakan penilaian kesan perubahan iklim terhadap keselamatan pekerja.

### Latihan dan Kesedaran

Melatih pekerja mengenalpasti bahaya yang berkaitan dengan perubahan iklim, termasuk langkah perlindungan dan kesiapsiagaan kecemasan.

### Penilaian Risiko

Lakukan audit berkala untuk mengenal pasti risiko seperti banjir, panas melampau, dan pencemaran udara.

### Infrastruktur Selamat

Sediakan ventilasi yang baik dan kawasan perlindungan untuk pekerja. Pastikan tempat kerja diselenggara dengan baik.

### Kemudahan Sokongan

Lengkapkan tempat kerja dengan alat pelindung diri (PPE), dan kawasan rehat.

### Penyediaan Infrastruktur yang Sesuai

Memastikan kemudahan tempat kerja, seperti sistem pengudaraan yang baik



## Kesinambungan Perniagaan dan Kesiapsiagaan

Anak Syarikat UMW yang melaksanakan ISO 45001 boleh menyelaraskan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan strategi kesinambungan perniagaan. Ini termasuk:

- Pelaksanaan pelan kecemasan yang mengambil kira bencana berkaitan iklim.
- Menyediakan pekerja dengan perlindungan tambahan terhadap risiko iklim.
- Menjalankan pemantauan berkala terhadap faktor persekitaran yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja.

### Pembangunan Polisi dan Prosedur OSH Berkaitan Perubahan Iklim

#### Langkah-langkah:

- Kemas kini polisi keselamatan untuk memasukkan elemen risiko perubahan iklim.
- Masukkan langkah pencegahan dalam prosedur kerja selamat (SOP).

#### Contoh:

- Prosedur pemindahan kecemasan jika berlaku bencana alam seperti taufan atau gempa bumi.

### Penyediaan Infrastruktur dan Peralatan yang Sesuai

#### Langkah-langkah:

- Memastikan tempat kerja dilengkapi sistem pengudaraan dan penyejukan yang baik.
- Sediakan PPE (Peralatan Perlindungan Diri) yang sesuai dengan perubahan iklim seperti pakaian penyejuk badan atau alat penapis udara.

#### Contoh:

- Menggunakan sistem pengudaraan dan penyaringan udara bagi pekerja dalam industry.

### Latihan dan Kesedaran Pekerja tentang Risiko Iklim

#### Langkah-langkah:

- Latih pekerja untuk mengenali tanda-tanda masalah kesihatan akibat perubahan iklim seperti strok haba.

#### Contoh:

- Latihan pertolongan cemas untuk kes strok haba.

### Pelan Mitigasi (ISO 45001:2018)

Penilaian Risiko Perubahan Iklim terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

#### Langkah-langkah:

- Kenal pasti bahaya berkaitan iklim seperti suhu ekstrem, banjir, kebakaran hutan, dan pencemaran udara.

#### Contoh:

- Sektor perindustrian: Mengkaji impak kualiti udara terhadap pekerja di kilang.

### Pemantauan dan Penambahbaikan Berterusan

#### Langkah-langkah:

- Audit berkala bagi memastikan prosedur keselamatan dan kesihatan
- Libatkan pekerja dalam sesi maklum balas untuk menilai keberkesanan pelan mitigasi.

#### Contoh:

- Penyesuaian waktu kerja fleksibel bagi mengurangkan pendedahan kepada cuaca panas atau ribut.

## Kesimpulan

Pelan mitigasi dalam konteks ISO 45001 bukan sahaja mengurangkan kesan perubahan iklim terhadap pekerja tetapi juga memastikan organisasi lebih bersedia menghadapi risiko berkaitan. Dengan pendekatan penilaian risiko, latihan, infrastruktur yang sesuai, serta pemantauan berterusan, organisasi dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat, dan lestari.



# Pengajaran Daripada Kejadian Kemalangan

### Butir-butir Kejadian

Semasa menjalankan kerja pemasangan 'bearing' pada 'carrier' di tapak pelanggan, mangsa bersama rakan sekerja berjaya menyelesaikan pemasangan 'bearing' tersebut dengan disaksikan oleh pihak pelanggan. Namun, semasa memasukkan 'carrier' ke dalam lajur pengangkat, 'carrier' tersebut tiba-tiba terjatuh dan menghempap kaki kanan mangsa. Selepas selesai kerja, mangsa berasa tidak selesa dan mendapati kakinya telah bengkok. Mangsa kemudiannya dirujuk ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut.

### Tarikh Kemalangan

4/10/2024

### Bilangan Hilang Hari Bekerja

11 hari

### Langkah Pembaikan



1. Memastikan semua pekerja memahami prosedur kerja selamat semasa mengendalikan peralatan berat.
2. Menyediakan latihan tambahan untuk pengendalian alat bantu angkat (lifting tools) bagi mengurangkan risiko kemalangan.
3. Melaksanakan pemeriksaan berkala ke atas peralatan kerja untuk memastikan fungsi dan keselamatan alat dalam keadaan terbaik.
4. Meningkatkan pengawasan semasa kerja berisiko tinggi bagi memastikan kepatuhan kepada prosedur keselamatan.



## Keselamatan Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya

Menilai risiko yang wujud di tempat kerja.



Kenal pasti senarai bahan kimia dan risiko di tempat kerja. Penilaian oleh pihak bertauliah perlu dilakukan mengikut keperluan perundangan negara.

Sediakan latihan pengurusan bahan kimia.



Latihan pengurusan bahan kimia wajib diberikan kepada pekerja sebelum memulakan tugas. Selain itu, latihan berkala perlu dilaksanakan untuk memastikan pekerja sentiasa peka.

Pastikan semua bahan berbahaya dilabel dengan betul.

Pastikan bahan kimia disimpan dalam bekas yang sesuai dan dilabelkan dengan jelas. Pekerja hendaklah merujuk helaian data keselamatan (SDS) jika perlu.

Mengikut prosedur kerja selamat.

Syarikat perlu menyediakan prosedur kerja selamat (SOP) pengurusan bahan kimia yang merangkumi pengendalian, penyimpanan, tindakan kecemasan, serta pelupusan atau kitar semula.

Gunakan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai.

Ganti PPE yang rosak dan pastikan kawalan seperti hud pengudaraan berfungsi dengan baik.

Simpan semua bahan berbahaya dengan cara yang betul.

Simpan bahan berbahaya di tempat yang kering, sejuk, berventilasi baik, dan asingkan bahan yang tidak boleh bercampur. Pastikan bekas tertutup rapat dan laporkan kebocoran atau kerosakan.

Jangan sesekali makan dan minum



Elakkan makan atau minum semasa mengendalikan bahan kimia dan kemudian basuh tangan dengan bersih.

Bahan kimia terpakai hendaklah dilupuskan mengikut peruntukan perundangan.



Lupuskan bahan kimia terpakai mengikut Peraturan Buangan Terjadual 2005 dengan pelaporan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).



# Impak Aktiviti Bahan Kimia Terhadap Kesihatan

Penggunaan bahan kimia di tempat kerja adalah satu keperluan dalam pelbagai industri seperti perkilangan, kesihatan, pertanian, dan pembinaan. Walau bagaimanapun, tanpa pengurusan yang betul, aktiviti yang melibatkan bahan kimia boleh mendatangkan pelbagai impak kepada pekerja, persekitaran, dan organisasi secara keseluruhan.



## Impak terhadap Kesihatan Pekerja

Pendedahan kepada bahan kimia berbahaya boleh menyebabkan kesan akut dan kronik kepada pekerja. Kesan akut termasuk kerengsaan mata, hidung, dan kulit, manakala kesan kronik seperti penyakit pernafasan, gangguan saraf, dan kanser boleh berlaku akibat pendedahan berterusan.




## Impak terhadap Keselamatan Tempat Kerja

Pengendalian bahan kimia yang tidak selamat boleh meningkatkan risiko kemalangan seperti kebakaran, letupan, dan tumpahan berbahaya. Pekerja yang tidak dilatih dengan betul atau tidak mempunyai peralatan perlindungan diri (PPE) yang mencukupi lebih terdedah kepada risiko ini.



## Impak terhadap Alam Sekitar

Pembuangan sisa kimia yang tidak terkawal boleh mencemarkan alam sekitar. Pencemaran ini boleh memberi kesan kepada manusia dan juga ekosistem seperti pencemaran sungai oleh bahan kimia industri boleh menjejaskan kehidupan akuatik dan sumber air minuman masyarakat setempat.



## Impak terhadap Produktiviti dan Ekonomi Syarikat


Kehilangan hari bekerja akibat sakit atau kecederaan boleh menjejaskan produktiviti. Kemalangan dan pencemaran juga boleh membawa kepada denda dan tindakan undang-undang terhadap organisasi.

## Langkah-Langkah Pengurangan Risiko


Untuk mengurangkan impak negatif aktiviti bahan kimia di tempat kerja, beberapa langkah perlu diambil:



Latihan Kesedaran dan Keselamatan




Penggunaan PPE



Label dan Lembaran Data Keselamatan Bahan (SDS)



Sistem Pengudaraan yang Baik



Pelupusan Sisa yang Betul

## Kesimpulan

Impak aktiviti bahan kimia di tempat kerja adalah signifikan dan memerlukan pengurusan yang sistematik. Dengan langkah-langkah kawalan yang berkesan, risiko terhadap kesihatan pekerja, keselamatan tempat kerja, serta pencemaran alam sekitar dapat dikurangkan. Oleh itu, semua pihak termasuk majikan dan pekerja perlu memainkan peranan aktif dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan lestari.



## Tips: Kurangkan Gula untuk Gaya Hidup Lebih Sihat

Tahukah Anda? Pengambilan gula yang berlebihan boleh meningkatkan risiko obesiti, diabetes, dan penyakit jantung. Kurangkan gula untuk kesihatan yang lebih baik.



**Pilih  
Minuman  
Tanpa Gula**

Gantikan minuman bergula dengan air kosong, teh tanpa gula, atau jus tanpa gula tambahan.



**Masak di  
Rumah**

Kurangkan penggunaan sos manis seperti kicap manis atau sos cili yang tinggi gula semasa memasak.



**Baca Label  
Pemakanan**

Elakkan makanan dengan kandungan gula yang tinggi seperti "syrup" "fructose" "glucose".




**Hadkan Snek  
Manis**

Gantikan kuih manis atau coklat dengan kudapan sihat seperti kacang, yogurt tanpa gula, atau buah potong.



**Makan Buah,  
Bukan Jus**

Buah segar lebih baik daripada jus buah yang mengandungi gula tambahan.



**Tetapkan  
Sasaran**

Mulakan dengan mengurangkan separuh gula dalam kopi atau teh anda secara perlahan-lahan.

## SAFEUHUB

### Laporan Bulanan HSE

Laporan bulanan HSE (Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar) penting untuk memantau prestasi keselamatan tempat kerja dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Ia menyokong tindakan pencegahan serta usaha berterusan ke arah persekitaran kerja yang lebih selamat dan lestari.

#### Fungsi utama laporan HSE bulanan:

1. Menilai serta menambah baik langkah pencegahan yang diambil.
2. Melaporkan kejadian kemalangan dan memastikan tindakan pembaikan dilakukan.
3. Merekod aktiviti berkaitan HSE seperti latihan dan audit.
4. Meningkatkan kesedaran pekerja terhadap aspek keselamatan dan kesihatan.

| Month | Report                                          | Company                               | Status               | Prepared By                | Approved By      | Created On             |
|-------|-------------------------------------------------|---------------------------------------|----------------------|----------------------------|------------------|------------------------|
| JUNE  | 2025-JUNE@UMW INDUSTRIAL POWER SERVICES SDN BHD | UMW Industrial Power Services Sdn Bhd | Pending for Approval | Muhammad Hashim Bin Khamis |                  | 10 July 2025, 10:00 am |
| JUNE  | 2025-JUNE@UMW INDUSTRIES (1985) SDN BHD, TAWAU  | UMW Industries (1985) Sdn Bhd, Tawau  | Approved             | Thien Yung Chang           | Thien Yung Chang | 7 July 2025, 12:24 pm  |




## ALAM SEKITAR




### Pindaan Akta Alam Sekeliling

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 telah diwartakan pada 6 Jun 2024 dan berkuat kuasa mulai 7 Julai 2024. Pindaan ini membawa beberapa perubahan penting, antaranya:



#### Larangan Pembakaran Terbuka

Seksyen 29A melarang pembakaran terbuka tanpa kebenaran khas



#### Hukuman Penjara Mandatori bagi Kesalahan Serius

Hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun bagi pelanggaran serius

#### Peningkatan Denda dan Hukuman Penjara

Denda baru berkisar antara  
**RM50 Ribu**  
 hingga  
**RM10 juta,**  
 dengan hukuman penjara  
 sehingga  
**5 tahun**



#### Kuasa Penguatkuasaan Diperluas

Ketua Pengarah dan pegawai yang dilantik mendapat kuasa penguatkuasaan tambahan




Pindaan ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkukuh perlindungan alam sekitar dan memastikan pematuan yang lebih tegas terhadap undang-undang alam sekitar di Malaysia.





## 8 AKTIVITI




TAKLIMAT MENGENAI PINDAAN  
AKTA KESIHATAN & KESELAMATAN  
PEKERJAAN KEPADA WAKIL  
SETIAP SYARIKAT OPERASI.  
14 JUN 2024



LATIHAN KESIAPSIAGAAN DAN  
TINDAK BALAS KECEMASAN &  
PEMADAMAN KEBAKARAN  
20 & 21 JUN 2024



LATIHAN PENYELARAS KESIHATAN &  
KESELAMATAN PEKERJAAN  
(OSH - COORDINATOR)  
26 - 28 JUN 2024



TAKLIMAT MENGENAI LAPORAN  
KEJADIAN NYARIS DAN PERTOLONGAN  
CEMAS DALAM SAFEHUB  
1 JULAI 2024



AUDIT STATUTORI DI KYB UMW SDN BHD  
22 OGOS 2024



AUDIT DALAMAN ISO 45001 DI UMW  
EQUIPMENT SYSTEM VIETNAM  
26 & 28 OGOS 2024



TAKLIMAT MENGENAI PINDAAN  
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING  
2024 OLEH JABATAN ALAM SEKITAR,  
PUTRAJAYA  
5 SEPTEMBER 2024



LATIHAN BUNYI BISING DAN  
PENGENDALIAN BAHAN KIMIA  
DI UMW INDUSTRIES KOTA KINABALU  
26 SEPTEMBER 2024



AUDIT DALAMAN ISO 45001  
DI UMW INDUSTRIES,  
CAWANGAN SABAH & SARAWAK  
23 SEPT - 4 OKT 2024



LATIHAN INTEGRASI PERUBAHAN  
IKLIM ISO 45001:2018 OLEH SIRIM  
17 OKTOBER 2024



LATIHAN TEKNIK PEMERIKSAAN,  
PEMANTAUAN & PELAPORAN  
OSH YANG BERKESAN  
7 & 8 NOVEMBER 2024



LAWATAN HSE KE UMW LUBETECH,  
KYB-UMW & EQUIPMENT DIVISION,  
SERENDAH  
3 - 4 DISEMBER 2024